



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Jabatan Bendahari Bursar & Pengurusan

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI
Tarikh : 25 Julai 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 15/2013

Dekan / Pengarah / Ketua
Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERUBAHAN PROSES SEBUT HARGA

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perubahan berkaitan proses perolehan secara Sebut Harga selaras dengan pindaan terhadap UKM-SPKP-BEN-PK02 (Pengurusan Perolehan).

Berikut adalah perubahan yang berkaitan :-

1. Pembukaan Sebutharga

Wakil PTJ tidak perlu hadir ke mesyuarat pembukaan Sebut Harga. Urusan pembukaan Sebut Harga akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pembukaan Sebut Harga serta Unit Perolehan sepenuhnya.

2. Dokumen Sebutharga

Terdapat perubahan di dokumen Sebut Harga. Sila rujuk lampiran **Dokumen Sebut Harga**.

3. Borang Permohonan Peti Sebut Harga / Tender – UKM-SPKP-BEN-PK02-BO02

Terdapat perubahan di Borang Permohonan Peti Sebut Harga / Tender – UKM-SPKP-BEN-PK02-BO02. Sila rujuk lampiran.

Perubahan ini berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2013**.


Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Pendaftar, UKM



BORANG PERMOHONAN PENYEDIAAN PETI SEBUT HARGA /
TENDER

Unit Perolehan
Jabatan Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UP:)

1

Maklumat Sebutharga

Jabatan yang memohon	
No. Peti Sebutharga	
No. Sebut Harga/Tender	
Tajuk Sebut Harga/Tender <i>Sila lampirkan notis sebutharga</i>	
Tarikh Tutup Sebut Harga / Tender	
No. Tempahan Peruntukan UFAST	

Maklumat Pemohon

Nama	
Jawatan	
No. Telefon	

Pengesahan Ketua PTJ

Tandatangan	
Nama	
Tarikh	

Nota :

1. Sila pastikan pemberitahuan sebut harga (Notis Sebut Harga) dilampirkan bersama-sama Borang Permohonan Penyediaan Peti.
2. Sebut Harga / Tender ditutup / dibuka pada setiap hari Selasa/Khamis jam 12.00 tengahari
3. Sila pastikan kakitangan/wakil Jabatan mendapatkan maklumat **TEPAT** berkaitan pembukaan Sebut Harga/Tender sehari sebelum tarikh yang dipohon daripada kakitangan di Unit Perolehan, Jabatan Bendahari, sambungan 89215120/5967/5968/4438.
4. Sila tepati waktu.



**BORANG PERMOHONAN PENYEDIAAN PETI SEBUT HARGA /
TENDER**

SENARAI JAWATANKUASA SEBUT HARGA / TENDER

Senarai nama Ahli Jawatankuasa Sebut Harga / Tender bagi seperti berikut:

1. Jawatankuasa Spesifikasi /Teknikal Sebut Harga / Tender

Bil	Nama	No. IC	Tandatangan

2. Jawatankuasa Penilai Spesifikasi /Teknikal Spesifikasi Sebut Harga / Tender

Bil	Nama	No. IC	Tandatangan

3. Jawatankuasa Kewangan Sebut Harga / Tender

Bil	Nama	No. IC	Tanda tangan

4. Jawatankuasa Penyelaras Sebut Harga / Tender

Bil	Nama	No. IC	Tanda tangan

Disahkan Oleh

Tanda tangan & Cop
Dekan/Pengarah/Ketua Projek



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA :

TAJUK SEBUT HARGA:

ALAMAT JABATAN:

DOKUMEN SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN

NO. SEBUT HARGA :	
TAJUK SEBUT HARGA :	

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Notis Sebut Harga	3
2.	Senarai Semak Dokumen	4
3.	Arahan kepada Penyebut Harga	5 - 7
4.	Syarat-syarat Am Sebut Harga	8 - 13
5.	Senarai Semak (Set A)	14 – 15
6.	- Borang Jaminan Bank Untuk Cagaran Prestasi	16 - 17
7.	- Borang Maklumat Penyebut Harga	18 - 21
8.	- Borang Tawaran Harga	22
9.	- Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal	23
10.	- Surat Akuan Pembida	24
11.	Senarai Semak (Set B)	25
12.	- Borang Tawaran Harga	26
13.	Senarai Semak (Set C)	27
14.	- Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal	28

MUSTAHAK

SILA BACA SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA DAN ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA DENGAN TELITI. KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT BERKENaan AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

DOKUMEN SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN

NO. SEBUT HARGA	
TAJUK SEBUT HARGA	

NO. PETI SEBUT HARGA *(1)	
TARIKH TUTUP	
MASA	12.00 Tengahari
TEMPAT	Unit Perolehan, Bhgn. Perolehan dan Bayaran / Jabatan Bendahari, Kampus Kuala Lumpur.

NOTIS SEBUT HARGA

- ✓ Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang (2)..... bagi*(3)
- ✓ Universiti tidak terikat untuk menerima mana-mana Sebut Harga.
- ✓ Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada waktu pejabat dari jam 8.15 pagi - 12.30 tengahari (Isnin-Khamis), & 3.00 petang - 4.30 petang (Jumaat) di *(4)
- ✓ Sila kemukakan Sijil Asal Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di atas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan kepada Jabatan sewaktu mengambil Dokumen Sebut Harga.
- ✓ Tempoh sahlaku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga tersebut.
- ✓ Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.
- ✓ Setiap Penyebutharga hendaklah menyerahkan **Surat Akuan Pembida Lampiran A1** (SAP bertarikh 1 April 2010) sebelum memasukkan Dokumen Sebut Harga ke dalam Peti Sebut Harga.

NOTA:*

1. Sila dapatkan no. peti Sebut Harga daripada Unit Perolehan, Jabatan Bendahari dan Jabatan Bendahari, Kampus Kuala Lumpur.
2. Sila dapatkan senarai kod bidang berkenaan daripada Unit Perolehan, Jabatan Bendahari/Bahagian Kewangan Penyelidikan/Jabatan Bendahari Kampus Kuala Lumpur. (Contoh: Kod bidang Alat Pengajaran 100200)
3. Nyatakan tajuk penuh Sebut Harga berkenaan. (Contoh: Membekal, menghantar, memasang, menguji dan menguji tauliah....)
4. Alamat Jabatan yang mengeluarkan Sebut Harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK UKM UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

1.1 UKM adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1. Penyediaan Sebut Harga

- a. Pelawaan Sebut Harga bagi Bekalan dan Perkhidmatan hendaklah menggunakan dokumen Sebut Harga yang merupakan sebahagian daripada Kontrak.
- b. Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-
 - i. Harga, tempoh pembekalan, tandatangan, cop syarikat, jenama dan model (jika berkaitan) dalam Borang Tawaran Harga,
 - ii. Senarai kerja dalam tangan/pengalaman dalam bekalan/perkhidmatan yang berkaitan dengan sebut harga yang dinyatakan dalam Borang Maklumat Penyebut Harga.
 - iii. Butir-butir Spesifikasi dalam Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan. Walau bagaimanapun dokumen yang terlalu banyak pindaan tidak akan dipertimbangkan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a. Tiap-tiap Penyebut Harga hendaklah memberi tawaran yang disediakan seperti berikut dengan lengkap :
 - i. Borang Tawaran Harga
 - ii. Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal
- b. Selain daripada dokumen di atas, penyebut harga perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang telah disenaraikan di Senarai Semak (mukasurat 19). Dokumen-dokumen tersebut perlu disusun mengikut turutan no. bil .

- c. Borang Tawaran Harga dan Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal hendaklah diisi dalam dua (2) sampul surat yang berasingan, serta dilengkapi dengan maklumat berikut.
- Borang Tawaran Harga atau Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal
 - No. Sebut Harga
 - Tajuk Sebut Harga
 - Tarikh tutup/buka
 - Alamat lengkap penyebut harga

Masukkan ke dua-dua sampul di atas ke dalam satu (1) sampul surat lain yang berlakri dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa serta tempat yang ditetapkan seperti dalam Notis Sebut Harga.

- Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Penyebut Harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu 'item'. (Tawaran pilihan '*alternatif*' tidak akan dipertimbangkan).

2.3 Penjelasan Berkaitan Spesifikasi/Teknikal

Penyebut Harga hendaklah meminta penjelasan berkaitan spesifikasi/teknikal yang tidak jelas atau bercanggah daripada Jabatan yang mengeluarkan sebut harga iaitu:

Nama	
No. Telefon	
No. Fax	
Email	

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

- Jika lawatan tapak diwajibkan, Penyebut Harga yang gagal mematuhi syarat tersebut tidak akan dipertimbangkan.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik sebut harga/diri sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga.

6. **KESALAHAN RASUAH**

- a. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
 - b. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
 - c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Pencegaran Rasuah 1997.
 - d. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
7. Semua Penyebutharga hendaklah mengisi surat Akuan Pembida apabila menyerahkan Dokumen Sebutharga.



SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga.

1. KEADAAN BARANG

- 1.1. Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

- 2.1. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 2.2. Risalah (*brochures*), catalog (*catalogue*) dan lain-lain dokumen hendaklah disertakan dalam Sebut Harga (jika berkaitan). Butiran yang ditawarkan hendaklah dicatatkan dengan terang. Item yang ditawarkan mestilah ditandakan dengan jelas.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

- 2.3. Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 2.4. Universiti tidak terikat untuk memesan kesemua item-item yang di Sebut hargakan.
- 2.5. Jenama (*brand*), nombor model (jika ada) dan negara pembuat hendaklah dinyatakan dengan jelas, jika tidak Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

4. BARANG SETARA

- 4.1. Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- 5.1. UKM tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga; dan
- 5.2. Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu Sebut Harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- 6.1. UKM sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- 6.2. Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

- 7.1. Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
- 7.2. Universiti tidak akan melayan tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat dari perbezaan antara tafsiran pembekal dengan tafsiran Bendahari Universiti Kebangsaan, mengenai spesifikasi ini.

8. PENERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN

- 8.1. Penerimaan barang hanya akan dibuat setelah barang-barang diperiksa oleh pihak Bendahari dan/atau wakil-wakil yang telah diberi kuasa.
- 8.2. Semua barang yang dibekalkan mestilah barang-barang keluaran semasa baru, tulin serta belum digunakan kecuali bagi tujuan ujian mutu di kilang pembuat (*static running*).
- 8.3. Bendahari atau wakil yang diberi kuasa berhak membuat penolakan terhadap bekalan barang-barang yang rosak atau yang tidak mengikut spesifikasi.

Penyebut Harga hendaklah menggantikan barang-barang tersebut dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

- 8.4. Barang yang dibekal hendaklah dijamin dari kecacatannya semasa penerimaan dibuat dan jika terdapat kecacatan Penyebut Harga hendaklah menggantikannya/membaiki kecacatan dengan percuma.
- 8.5. Barang-barang yang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang di Setuju Terima dalam Sebut Harga boleh ditolak.
- 8.6. Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Universiti Kebangsaan Malaysia segala perbelanjaan atas barang yang ditolak.

9. PENGIKLANAN

- 9.1 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, májalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai UKM atau wakil terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

- 10.1 Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah dierangkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan juapun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

- 11.1 Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebut Harga.

12. BAYARAN

- 12.1 Bayaran bagi pembekalan/perkhidmatan barang ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).



- 12.2 Pembayaran bagi tiap-tiap satu bekalan akan dibuat oleh Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tempoh empat belas (14) hari selepas pembekalan/perkhidmatan diterima, dipasang dan diuji (jika berkaitan) dengan memuaskan dan setelah inbois serta dokumen lengkap diterima oleh Jabatan Bendahari. Bayaran penuh kepada pembekal tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki.

BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

13. CUKAI

- 13.1 Harga tawaran adalah diertikan sebagai termasuk cukai (jika berkenaan).

14. PEMBUNGKUSAN

- 14.1 Harga yang ditawarkan hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- 14.2 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh Penyebut Harga.

15. PENGENALAN

- 15.1 Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog (*catalogue*) dan negeri tempat asal barang itu, (jika berkenaan), hendaklah ditunjukkan.

16. PRESTASI PEMBEKAL

- 16.1 Memaklumkan kepada Penyebut Harga prestasi mereka akan dinilai dan diambil kira dalam Penilaian Sebut Harga.

17. CAGARAN PRESTASI

- 17.1. Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki memberi Cagaran Prestasi berjumlah 2.5% bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.



BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

18. PENGANGKUTAN DAN HANTARAN

- 18.1. Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang-barang itu, buruh dan segala yang perlu bagi memasang barang-barang ke tempat yang dinyatakan dalam perjanjian ini.
- 18.2. Penyebut Harga hendaklah menggunakan perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* daripada syarikat yang mempunyai kod bidang iaitu 221109.

19. CUKAI

- 19.1. Harga tawaran hendaklah diberikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

20. MATA WANG

- 20.1 Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

21. PEMBUNGKUSAN

- 21.1. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk di eksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu di eksport dengan tidak di bungkus;
- 21.2. Harga yang ditawarkan adalah dierangkan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- 21.3. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut Harga.

HAL-HAL LAIN

22. Borang sebut harga yang tidak bersih dan dipinda-pinda atau spesifikasi yang diberi dibatalkan, tidak akan diterima.



23. DENDA LEWAT

- 23.1. Jika Penyebut Harga yang berjaya, gagal menghantar barang-barang yang dipesan di dalam tempoh yang dicatatkan di Borang Sebut Harga, maka denda sebanyak 1% daripada nilai barang yang belum dihantar akan dikenakan bagi tiap-tiap minggu atau sebahagian minggu yang lewat tertakluk kepada maksimum 10%.

24. TAWARAN ALTERNATIF

- 24.1. Penyebut Harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu 'item'. (Tawaran pilihan 'alternatif' tidak akan dipertimbangkan).



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SET A

**SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

NO. SEBUT HARGA : _____

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

A	DOKUMEN TAWARAN ASAL (DIJILID DAN WAJIB DITANDATANGAN/ DICOP/ DITULIS NAMA SERTA ALAMAT SYARIKAT
---	--

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Catatan
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)			Wajib disertakan
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)			Wajib disertakan
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) – (Jika Berkaitan)			Jika Berkaitan
5.	Borang Jaminan Bank Untuk Cagaran Prestasi (Contoh)	X	X	Tidak Berkenaan
6.	Borang Maklumat Penyebutharga			Wajib disertakan

7.	Borang Tawaran Harga			Wajib disertakan
8	Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal			Wajib disertakan
9	Surat Akuan Pembida			Wajib disertakan

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).</p> <p>(1).Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>(2).Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>(3).Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
--	--



**JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK CAGARAN PRESTASI
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)
(GUNAKAN KEPALA SURAT BANK)**


Sebagai balasan kepada Kontrak No _____ yang dibuat antara Universiti Kebangsaan Malaysia, (kemudian daripada ini disebut sebagai 'Universiti') dan _____ (kemudian disebut pada ini dirujuk sebagai untuk melaksana/menyerah/menyiap/melakukan/menyerah/melaksana/menyiap/melakukan) _____ (kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'Kontrak') kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'Penjamin') atas permohonan Kontrak, memberikan janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Universiti ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat dalam surat daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Universiti seperti berikut:-

1. Apabila Universiti membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Universiti nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontaktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia: _____ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM: _____) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Universiti di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Universiti berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia _____ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM: _____) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Universiti jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah

dikurangkan dengan perkadarannya yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Universiti sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tak batal dan hendaklah berkuatkuasa sehingga _____ (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/persyapan retakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Universiti dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Universiti berhak dibawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia _____ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM: _____).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Universiti telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.



BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

1.	Nama Syarikat	
2.	(a) No. Pendaftaran Syarikat	
	(b) Tarikh ditubuhkan	
3.	(a) Alamat Ibu Pejabat	
	(b) Alamat Pejabat Di Malaysia	
	(c) Alamat Cawangan-Cawangan Di Malaysia	i.
		ii.
		iii.
		iv.
		v.
4.	No. Telefon, No. Fax & E-Mail	
5.	Nama Bank, Nombor Akaun Bank Dan Alamat	i.
		ii.
		iii.
		iv.
		v.

6.	Modal Perniagaan Yang dibenarkan / Diluluskan	RM	
	Modal Yang Dibayar (Paid Up Capital)		
	Modal Pusingan (Working Capital)		
7.	Jumlah 'Overdraft Facilities' Yang Diberi Oleh Bank	Nama Bank	Nilai Overdraf RM
		i.	
		ii.	
		iii.	
		iv.	
8.	Jumlah 'Loan Facilities' Yang Diberikan Oleh Bank	Nama Bank	Nilai Pinjaman RM
		i.	
		ii.	
		iii.	
9.	Jumlah 'Loan Facilities' Yang Diberikan Oleh Badan-badan berkanun Cth : MARA, UDA	Nama Bank	Nilai Pinjaman RM
		i	
		ii.	
10.	Bilangan Saham Yang Dikeluarkan Dan Nilainya		
11.	Pemegang-Pemegang Saham	i Bumiputera	%
		ii Bukan Bumiputera	%
		iii Negeri Asing	%
		100 %	
12.	Pekerja- pekerja	i Melayu	orang
		ii. Cina	orang
		iii. India	orang
		iv. Lain-lain	orang
		Jumlah	orang

13.	Syarikat yang ditubuhkan adalah dari jenis		
	(a) Kepunyaan Perseorangan <i>(Individual Propriatorship)</i>	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan
14.	(b) Perkongsian <i>(Partnership)</i>	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan
15.	(c) Syarikat Sendirian / Awam Berhad <i>(Private/Public Ltd.Co.)</i>	Nama Pengarah	No. Kad Pengenalan
Pendaftaran			
Bilangan Pendaftaran Daripada Kementerian Kewangan Malaysia			
<i>Sila Sertakan Sijil Pendaftaran Daripada Kementerian Kewangan Atau Lain-Lain Dokumen Pengesahan</i>			
Taraf Syarikat		Bumiputera / Bukan Bumiputera <i>Sila kemukakan Salinan Sijil Jika Bumiputera</i>	
Pengalaman Dalam Bekalan/Perkhidmatan Yang Dinyatakan Dalam Sebut Harga			
Bekalan / Perkhidmatan		Lokasi	
1.			
2.			
3.			
4.			

Sila sertakan satu salinan yang diakui atau surat-surat akuan (*Certificate*) salah satu daripada yang tersebut di bawah Ini:-

- (a) *Certificate Of Registration Under Registration Of Business Ordinance 1956*
- (b) *Certificate Of Incorporation Or Registration Issued By Registrar Of Companies*
- (c) *Memorandum And Articles Of Association*

SAYA MENGAKUI SEMUA KETERANGAN YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR

.....
TANDATANGAN & COP PENYEBUT HARGA



UKM-SPKP-BEN-PK02-BO04

No. Semakan: 00

Tarikh Kuatkuasa: 01/05/2012

The National University
of Malaysia**BORANG TAWARAN HARGA**

NO SEBUTHARGA	
TAJUK SEBUTHARGA	

BIL (1)	NAMA BEKALAN (2)	NEGARA PEMBUAT (3)	JENAMA & NO. MODEL (4)	KUANTITI (5)	HARGA BERSIH/ CIF SEUNIT (RM) (6)	JUMLAH HARGA BERSIH/CI F (RM) (5 x 6) (7)	KOS PEMASANG AN (RM) (8)	JUMLAH HARGA (7 + 8) (RM) (9)	TEMPOH HANTARAN (10)
							JUMLAH JUMLAH BESAR		

Jika berkaitan, sila nyatakan:

1. Kos Penyelenggaraan termasuk alat ganti selepas tempoh jaminan: _____ /setahun
2. Tempoh Jaminan (minimum 1 Tahun): _____

TANDATANGAN & COP PENYEBUT HARGA

	UKM-SPKP-BEN-PK02-BO05	No. Semakan: 00	Tarikh Kuatkuasa: 01/05/2012
UNIVERSITI MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	BORANG TAWARAN SPESIFIKASI/TEKNIKAL		

NO SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA

ITEM	SPESIFIKASI UNIVERSITI	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA	JENAMA & MODEL

*(SILA BUAT LAMPIRAN JIKA RUANG TIDAK MENCUKUPI)



LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

Tajuk Sebut Harga

.....
Nombor Sebut Harga
.....

Saya,..... nombor K.P..... yang
mewakili..... nombor

Pendaftaran..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam Universiti Kebangsaan Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat
Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan
ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Kebangsaan Malaysia atau mana-
ma individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya
sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di
atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat
Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Tandatangan

Nama & No. KP:

Tarikh:

Cop Syarikat:



SET B

**SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

NO. SEBUT HARGA :

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

B	DOKUMEN KEWANGAN (DIJILID DAN TIDAK DITANDATANGANI / DICOP / DITULIS NAMA SERTA ALAMAT SYARIKAT
---	---

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Catatan
1.	Borang Tawaran Harga			Wajib disertakan
2.	Borang Tawaran Harga tidak ditandatangani / tidak dicop / tidak ditulis nama serta alamat syarikat. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tawaran syarikat akan ditolak atau tidak layak dipertimbangkan .			Wajib

UNTUK KEGUNAAN UKM

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

No. Semakan: 00	Tarikh Kuatkuasa:01/05/2012
BORANG TAWARAN HARGA	

NO SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA
---------------	------------------

BIL	NAMA BEKALAN	NEGARA PEMBUAT	JENAMA & NO. MODEL	KUANTITI	HARGA BERSIH/CIF SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA BERSIH/CIF (RM) (5 x 6)	KOS PEMASANGAN (RM)	JUMLAH HARGA (7 + 8) (RM)	TEMPOH HANTARAN (10)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)

Jika berkaitan, sila nyatakan:

1. Kos Penyelenggaraan termasuk alat ganti selepas tempoh jaminan:...../setahun
2. Tempoh Jaminan (minima 1 Tahun):.....

TIDAK DICOP DAN DITANDATANGANI

SET C

**SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

NO. SEBUT HARGA :

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

C	DOKUMEN SPESIFIKASI/TEKNIKAL (DIJILID DAN TIDAK DITANDATANGANI / DICOP / DITULIS NAMA SERTA ALAMAT SYARIKAT
----------	--

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Catatan
1.	Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal			Wajib disertakan
2.	Katalog atau Brosur			Jika berkaitan
3.	Borang Tawaran Spesifikasi/Teknikal tidak ditandatangani / tidak dicop / tidak ditulis nama serta alamat syarikat . Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tawaran syarikat akan ditolak atau tidak layak dipertimbangkan .			Wajib

UNTUK KEGUNAAN UKM

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

	UKM-SPKP-BEN-PK02-BO05	No. Semakan: 00	Tarikh Kuatkuasa:01/05/2012
BORANG TAWARAN SPESIFIKASI/TEKNIKAL			
NO SEBUTHARGA			
TAJUK SEBUTHARGA			

ITEM	SPESIFIKASI UNIVERSITI	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA	JENAMA & MODEL

***(SILA BUAT LAMPIRAN JIKA RUANG TIDAK MENCUKUPI)**

TIDAK DICOP D DAN DITANDATANGANI

Rujukan : UKM 3.1/52/4
Tarikh : 14 Ogos, 2013

Semua Ketua-Ketua Bahagian

Bah. Kewangan, Kampus Kuala Lumpur
Bah.Kewangan Penyelidikan
Bah.Kewangan Kakitangan
Bah.Kewangan Pelajar, Penerimaan dan Zakat
Bah.Pengurusan Harta dan Jaminan Kualiti
Bah. Hartanah
Bah.Perolehan dan Bayaran
Bah.Akaun, Belanjawan dan Sistem
Zon Kewangan JPP
Zon Kewangan Kampus Cheras, PPUKM

Tuan/Puan,

PERUBAHAN PROSES SEBUT HARGA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan surat daripada Jabatan Bendahari UKM3.1/224/8 Jld. IX bertarikh 25 Julai, 2013 yang dilampirkan bersama ini yang jelas maksudnya.

2. Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan yang berkenaan di bawah penyelian tuan/puan. Kerjasama tuan/puan di atas perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,


KAMARUL HISAM AB GHANI
Penolong Pendaftar
b.p. Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

berlampir/-
bml/-



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779